



Selesai isu kediaman tak terjual jadi agenda

Kerajaan akan terus menjadikan isu perumahan mampu milik dan penyelesaian yang tepat kepada hartanah siap dibina tidak terjual sebagai agenda utama tahun ini.

Pemantauan rapi terhadap pelaksanaan program di bawah Dasar Perumahan Nasional 2.0 (2018-2025) dan pelbagai insentif yang diperkenalkan untuk mempromosi pemilikan rumah dalam kalangan rakyat juga diharapkan dapat mengatasi situasi kediaman siap dibina tidak terjual pada tahun akan datang.

Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta Malaysia (JPPH) menerusi Laporan Pasaran Harta Tanah Malaysia 2019, berkata walaupun menghadapi ekonomi yang mencabar, pasaran hartanah Malaysia dijangka kekal berdaya tahan pada tahun-tahun akan datang.

Tegasnya, pelbagai insentif sudah diberikan oleh kerajaan dalam usaha mengurangkan kesan terhadap pasaran hartanah.

"Bagaimanapun, dalam pasaran yang mencabar, ditambah pula dengan penurunan keyakinan pengguna dan komuniti perniagaan, aktiviti serta serapan pasaran dilihat akan cenderung lebih perlahan," katanya.

Mengenai prospek, JPPH berkata, terdapat kemungkinan risiko penurunan jangka pendek yang tinggi kesan daripada wabak COVID-19 yang tidak dijangka di seluruh dunia.

Ini, katanya mungkin merendahkan jangkaan pertumbuhan ekonomi, terutama bagi separuh pertama 2020.

"Wabak yang menjejaskan seluruh dunia ini dijangka akan mempengaruhi ekonomi dunia dan juga ekonomi Malaysia, khususnya sektor berkaitan pelancongan seperti syarikat penerbangan, peruncitan, makanan dan minuman dan hospitaliti termasuk sektor perkilangan serta perkhidmatan terpilih," katanya.